

SABAH STATE ATTORNEY-GENERAL'S

INSIGHT



**MAJLIS APRESIASI KECEMERLANGAN
DAN AMANAT PEGUAM BESAR NEGERI
SABAH**



MAJLIS APRESIASI KECEMERLANGAN DAN AMANAT PEGUAM BESAR NEGERI SABAH

TARIKH : 9 APRIL 2021



KOTA KINABALU - Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah telah mengadakan Majlis Apresiasi Kecemerlangan dan Amanat Peguam Besar Negeri Sabah bagi tahun 2020.

Majlis Apresiasi Kecemerlangan ini diadakan sebagai tanda penghargaan kepada semua anggota Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah yang telah memberikan komitmen penuh dalam menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang bagi menjalankan tugas-tugas hakiki sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dari tahun lalu hingga kini.

Tahun ini merupakan tahun ketiga (3) Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah melaksanakan Majlis Apresiasi Kecemerlangan dengan jayanya, untuk makluman juga

Majlis Apresiasi Kecemerlangan ini akan diadakan setiap tahun dan dijadikan Majlis rasmi bagi jabatan ini untuk menghargai jasa-jasa anggota jabatan ini, dengan adanya majlis ini kita dapat mengambil peluang untuk memberikan penghargaan kepada anggota jabatan yang telah bersara serta yang telah berpindah.

